

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Pendahuluan

Al-Qur'ān al-karīm adalah kalam Allah s.w.t. yang maha tinggi serta sumber segala pengetahuan, petunjuk dan cara hidup untuk kehidupan manusia. Ia telah diturunkan sejak empat belas kurun yang lalu dalam bahasa Arab. Kewujudannya di tengah-tengah umat manusia telah dijamin oleh Allah s.w.t. selamat dari sebarang kecelakaan dan penyelewengan dalam segenap aspek seperti yang dalam firmanNya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

*“Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Qur'ān dan sesungguhnya kami yang akan menjaganya”.*

(Sūrah al-Hijr 15:9)

Sesungguhnya jaminan tersebut memberi makna yang sangat besar kepada bahasa Arab kerana ia telah dipilih sebagai bahasa al-Qur'ān serta memperolehi jaminan untuk terus kekal selamanya daripada Allah s.w.t. Pemilihan ini sudah pasti dibuat berdasarkan ciri-ciri keistimewaannya yang tiada pada bahasa lain iaitu perubahan tanda fleksi

di akhir perkataan (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) secara sistematis yang juga dikenali sebagai sistem i'rāb bahasa Arab (Ṣubḥī Ṣālih 1994:118). Sesungguhnya ia (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) merupakan mercu tanda bahasa Arab sejak kewujudannya (Abdul Halīm Najjār 1963:23). Manakala menurut Ibrāhīm Samirrā'iy (1987:118), bahasa Arab fuṣḥah (الْفُصْحَةُ) terpelihara hingga ke hari ini dengan sistem i'rāb (الْإِعْرَابِ).

Sejak awal episod penurunan al-Qur'ān, Rasūlullāh s.a.w. amat menitikberatkan soal pembacaan al-Qur'ān dengan bacaan yang betul serta jauh daripada sebarang kesilapan. Ini jelas melalui gesaan Rasūlullāh s.a.w. supaya sentiasa membantu dan memperbaiki bacaan al-Qur'ān orang-orang Islam lain kerana kalau tidak dibantu mereka akan tersalah bacaan serta mengakibatkan kesalahan dalam memahami maksud al-Qur'ān. ('Aliy al-Muttaqīy 1989:1:105). Begitu juga Ibn 'Abd Rabbih dalam 'iqd al-Farīd (1987: 478) telah merekodkan sebuah hadis Rasūlullāh s.a.w. berkaitan perkara di atas dengan sabdanya: *"Allah s.w.t telah merahmati pemimpin-pemimpin yang memperbaiki lidahnya (bahasanya)".* Perkara yang sama turut diambil berat oleh sahabat nabi Abū Bakr al-Siddīq dalam masalah bacaan al-Qur'ān. Beliau telah menggunakan perkataan al-laḥn (الَلْحَنُ) bagi menunjukkan kebimbangan berleluasanya gejala kesilapan dalam penggunaan bahasa Arab amnya

dan pembacaan al-Qur'ān khususnya. Pemantauan terhadap pembacaan al-Qur'ān terus menjadi agenda utama para pemimpin Islam di kalangan para sahabat Nabi r.a. (al-Dajjānīy 1974:42). Mereka terus menasihati, memberikan bimbingan bahkan menggesa orang Islam supaya mempelajari al-Qur'ān serta memperhatikan tanda fleksi di akhir ayat-ayat suci al-Qur'ān (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) agar mereka tidak melakukan kesilapan. Oleh yang demikian, kewajipan ini (mempelajari al-Qur'an serta memperhatikan fleksi-fleksi akhir ayat-ayat suci al- al-Qur'ān) telah digandingkan dengan kefarduan yang lain seperti yang telah dijelaskan oleh 'Umar al-Khattāb: "*Pelajarilah al-farā'id* (ilmu tentang pembahagian harta pusaka) *al-sunan* (ilmu tentang ḥadīth-ḥadīth Rasūlullāh s.a.w) *al-laḥn* (ilmu untuk mengelakkan kesilapan dalam bahasa Arab) *sepertimana kamu mempelajari al-Qur'ān*" (al-Sayūṭīy 2003:49).

Meskipun peringatan untuk membaca al-Qur'ān dengan betul sering dititiberatkan oleh Rasūlullāh s.a.w. dan para sahabatnya, namun kesilapan yang berlaku kian nyata dan amat membimbangkan. Kesilapan bukan sahaja berkisar dalam soal pembacaan al-Qur'ān akan tetapi juga terhadap kefahaman tentang perkara agama. Terutamanya setelah Islam tersebar luas dan selepas kemasukan non-Arab ke dalam Islam secara beramai-ramai. Kebimbangan ini menyebabkan Sayyidinā 'Alīy r.a. telah memerintahkan Abū al-Aswad al-Du'ālīy menyusun sebuah buku tentang usul (kaedah) bahasa Arab. Beliau r.a. turut menyifatkan dengan adanya

buku tersebut, Abū al-Aswad al-Du'ālīy telah menghidupkan kita (mengelakkan orang Islam daripada melakukan kesilapan) dan membolehkan kita (bangsa dan bahasa Arab) untuk kekal (hidup) di dunia ini (al-Sīrāfiy 1985:12).

Walaupun Sayyidinā 'Alīy r.a. telah memerintahkan Abū al-Aswad al-Du'ālīy menyusun sebuah buku tentang usul (kaedah) bahasa Arab, namun, aktiviti memperbaiki bacaan al-Qur'ān pada waktu itu tidak jelas keterangannya. Hal ini disebabkan al-Qur'ān pada masa itu telah diturunkan dalam bahasa pertuturan harian mereka. Orang-orang Arab ini mampu membaca al-Qur'ān dengan betul sekalipun tidak pernah belajar tentang al-Qur'ān dan memahami maksudnya. Mereka berupaya memelihara al-Qur'ān dari sebarang kesilapan hanya melalui lisan ibunda mereka secara semulajadi. (Ṣubḥīy Ṣāliḥ 1994:119, al-Dajjānīy 1974:43)

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Agama Islam merupakan agama fitrah untuk semua manusia. Oleh kerana itu, ia mudah dianuti oleh semua manusia tanpa mengira bangsa, bahasa dan budaya. Sejak ia muncul di Semenanjung Tanah Arab di bawah kepimpinan nabi Muhammad s.a.w. agama Islam telah berkembang dengan begitu pesat sekali. Pada abad yang ke-8 masihi, Islam telah berkembang jauh hingga ke wilayah-wilayah yang bukan Arab seperti di Turki, Iran, Andalusia, Rusia, Afrika dan sebagainya.

Penerimaan ajaran Islam oleh bangsa-bangsa yang bukan Arab menunjukkan ciri-ciri fitrah ajaran Islam adalah sesuai dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka. Dalam usaha mereka mendalami agama Islam, mereka tidak dapat lari daripada mempelajari serta mendalami bahasa Arab. Ini adalah kerana teks-teks agama terutamanya al-Qur'ān dan ḥadīth adalah dalam bahasa Arab. Hal ini telah diungkapkan oleh Abū al-Aswad al-Du'ālīy:

*“Orang-orang mawali (golongan hamba) terlalu ghairah dengan Islam, oleh yang demikian, mereka telah memeluknya (Islam), maka jadilah mereka saudara-saudara kita, dan kami pun mengajar mereka al-kalam (bahasa Arab)”.*

(Al-Dajjānīy 1974:14)

Di sebalik keghairahan orang-orang bukan Arab menggunakan bahasa Arab untuk mendalami ajaran Islam, terdapat kesan negatif yang timbul hasil daripada tindakan mereka. Mereka sering melakukan kesilapan ketika bertutur dan membaca teks-teks agama terutamanya ayat-ayat al-Qur'ān dan ḥadīth-ḥadīth nabi Muḥammad s.a.w. Lebih-lebih lagi, kesilapan dalam bahasa Arab yang dilakukan menyeleweng daripada makna dan ajaran Islam yang sebenar sehingga boleh merosakkan aqidah seseorang. Contoh berikut dapat menjelaskan fenomena tersebut. Menurut Syawqīy Ḍaif (1968:15) dan Simsā'ah (1993:11) orang-orang Arab telah membaca perkataan رَسُولُهُ dalam ayat أَنْ اللَّهَ بَرِيءٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ (surah al-Taubah 9:3) dengan huruf lam ( ل ) dibaca dengan tanda kasrah

( ل ) sedangkan Rasūlullāh s.a.w. membacanya dengan huruf lam bertanda dhommah ( لْ ) seperti yang terdapat di dalam al-Qur'ān pada hari ini. Sudah tentu dengan wujudnya perbezaan bacaan akan menyebabkan perbezaan dari sudut makna. Sekiranya perkataan رَسُوْلُهُ dibaca dengan huruf lam ( ل ) bertanda kasrah ( لِ ), ayat al-Qur'ān (surah al-Taubah 9:3) tersebut akan bermaksud “...*sesungguhnya Allah s.w.t. akan berlepas diri daripada orang musyrikīn dan dari rasulnya*”. Dengan bacaan seperti di atas, iaitu perkataan رَسُوْلِهِ dengan huruf lam ( ل ) bertanda kasrah ( لِ ) dengan anggapan perkataan رَسُوْلِهِ yang terletak selepas huruf ( و ) yang berfungsi sebagai kata hubung ( اَلْعَظْفُ ) adalah mengikut perkataan yang sebelumnya الْمُشْرِكِيْنَ. Oleh yang demikian, maksud ayat al-Qur'ān tersebut amat mengelirukan dan jelas bercanggah dengan aqidah Islam yang suci. Ini adalah kerana, tidak mungkin Allah s.w.t. menyamatarafkan Rasūlullāh s.a.w. dengan golongan musyrikīn dan berlepas diri daripadanya sebagaimana Ia berlepas diri daripada golongan musyrikīn. Sementara itu, dalam ayat yang lain Allah s.w.t. menjelaskan hubunganNya yang tidak terpisah dengan nabi Muḥammad s.a.w. seperti firman Allah s.w.t. (Surah al-An'ām 6:57) “ *Katakanlah (wahai Muhammad) sesungguhnya aku (berada) di atas hujah yang nyata dari Tuhanku*”. Jadi,

ayat (surah al-Taubah 9:3) di atas sebenarnya bermaksud “...sesungguhnya Allah s.w.t. dan Rasūlullāh s.a.w. akan berlepas diri daripada orang musyrikin”. Dalam hal ini, bacaan Rasūlullāh s.a.w. pada perkataan رَسُوْلُهُ dengan huruf lam bertanda ḍammaṭ ( ُ ) adalah muktamad kerana ia adalah perintah daripada Allah s.w.t. dan tidak wajar berlaku perubahan ke atasnya. Oleh yang demikian, penentuan peranan perkataan sama ada ia membawa fungsi makna objek ( اَلْمَفْعُوْلِيَّةُ ) atau fungsi pelaku ( اَلْفَاعِلِيَّةُ ), atau fungsi subjek ( اَلْاِسْمَاءُ ) dan sebagainya sangatlah penting. Justeru itu, langkah-langkah untuk mengelakkan masalah ini daripada berleluasa telah ditangani dengan baik oleh ahli tatabahasa Arab. Hasilnya lahirlah tokoh-tokoh tatabahasa Arab seperti Abū al-Aswad al-Du’ālīy (67 Hijrah), Yaḥyā bin Ya’mur, ‘Isā Ibn ‘Umar (149 hijrah) Khalīl ibn Aḥmad al-Farahidīy (174 hijrah) Sībawayh (188 hijrah) dan sebagainya.

Penelitian terhadap sejarah perkembangan tatabahasa Arab mendapati salah satu faktor pembukuan ilmu tatabahasa Arab adalah disebabkan penggunaan bahasa Arab yang tidak betul sama ada oleh penutur-penutur Arab atau penutur-penutur yang bukan Arab (‘Abdul Ḥamīd Sayyid Ṭilib tt:21). Manakala contoh-contoh kesilapan yang sering diutarakan oleh penulis buku sejarah perkembangan tatabahasa Arab banyak melibatkan kesilapan tentang i’rab. Menurut ‘Iṣām Nūr al-Dīn

(1993:13) dan Abduh Rājiḥīy (1988:16) i'rāb banyak bergantung kepada peranan pengubah fleksi (الْعَامِلُ) iaitu; perkataan yang berfungsi (mengubah) ke atas perkataan lain seperti kata kerja (الْفِعْلُ) , partikel jar (حَرْفُ الْجَرِّ), dan kata nama (الْإِسْمُ) yang berfungsi sebagai kata kerja (الْفِعْلُ) dan sebagainya. Begitu juga dengan ciri-ciri perubah fleksi (الْمُعْمُولُ) iaitu; perkataan-perkataan yang berubah fleksinya berdasarkan jenis-jenis pengubah fleksi (الْعَامِلُ) yang berfungsi ke atasnya.

Selain daripada itu, pengetahuan tentang peranan sesuatu perkataan dalam ayat atau (الْمَوْقِعُ) sama ada perkataan itu membawa fungsi makna objek (الْمَنْفَعُولِيَّةُ) atau fungsi pelaku (الْفَاعِلِيَّةُ) , atau fungsi subjek (الْإِبْتِدَاءُ ) dan sebagainya amat diambil kira bagi menentukan maksud sebenar sesuatu ujaran. Demikian juga dengan tanda-tanda fleksi (الْعَمَلُ أَوْ ) iaitu; tanda atau tanda fleksi yang diletakkan di hujung perkataan sama ada fleksi nyata (الظَّاهِرُ) atau fleksi andaian (الْمَقْدَرُ) pada akhir perkataan ( 'Iṣām Nūr al-Dīn 1993:13). Sesungguhnya penguasaan sistem i'rāb (الإِعْرَابِ) secara mendalam adalah sangat penting kerana ia



merupakan perkara yang sangat dititikberatkan serta mendapat perhatian yang mendalam oleh pakar-pakar bahasa dan tatabahasa Arab sejak dahulu lagi seperti yang telah ditegaskan oleh seorang pengkaji bidang filologi perbandingan iaitu Ibrāhīm Samirrā'īy (1987: 117).

Oleh yang demikian, berdasarkan fakta tersebut, kajian tentang sistem i'rāb bahasa Arab secara terperinci adalah penting dan sangat relevan bagi mencapai kedalaman bahasa Arab serta merungkai rahsia bahasa al-Qur'ān khususnya buat pengkaji dan pencinta bahasa Arab.

## **1.2 Masalah Kajian**

Sejarah perkembangan tatabahasa Arab menyaksikan perdebatan yang hebat di kalangan tokoh-tokoh tatabahasa Arab dalam masalah i'rāb sehingga lahirnya pelbagai aliran pemikiran. Perdebatan tentang masalah ini telah menyebabkan munculnya dua aliran dalam bidang tatabahasa Arab yang terkenal; iaitu aliran nahu Baṣrah dan aliran nahu Kūfah. Antara tokoh yang terkenal daripada aliran Baṣrah termasuklah 'Abdullāh bin Abī Ishāq, 'Isa bin 'Umar al-Thaqāfīy, Abū 'Amru al-'Ala', Abu 'Amrū bin Othmān ibn Qanbur (Sībawayh) dan sebagainya ('Abdul Ḥamīd Sayyid Ṭilib:tt:95). Manakala tokoh daripada aliran nahu kūfah seperti al-Mufaḍal al-Ḍabbiy, al-Kisā'i, al-Farra' dan sebagainya ('Abdul Ḥamīd Sayyid Ṭilib:tt:171).

Masalah i'rāb juga telah menyebabkan perbezaan hukum fiqh dalam Islam. Sebagai contoh hukum berwudū'. Bagi mazhab Syāfi'iy membasuh kaki hukumnya wajib sementara mazhab Ja'fariy pula menyatakan kaki hanya wajib disapu. Kedua-duanya merujuk kepada ayat

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ

وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ (surah al-Mā'idat 5:6). Hal ini hanya disebabkan oleh

perbezaan fleksi huruf (ل) pada perkataan *arjulakum* (وَأَرْجُلَكُمْ) dibaca

dengan fleksi genitif (كَسْرَةٌ) menjadi (وَأَرْجُلِكُمْ) atau huruf (ل) dibaca dengan

fleksi akusatif (فَتْحَةٌ) menjadi (أَرْجُلَكُمْ). Implikasi daripada perbezaan fleksi

pada huruf lām (ل) pada perkataan (أَرْجُلَكُمْ) dapat dilihat seperti berikut:

a). Sekiranya huruf lam (ل) dibaca dengan fleksi genitif (كَسْرَةٌ)

perkataan *arjulikum* ia akan dibaca perkataan (وَأَرْجُلِكُمْ).

Implikasinya wudū' hanya sempurna dengan menyapu kaki.

b). Sementara bacaan (أَرْجُلَكُمْ) iaitu huruf (ل) dibaca dengan fleksi

akusatif (فَتْحَةٌ) maka wudū' akan hanya sempurna dengan

membasuh kaki sahaja (Muḥammad Jawād Mughniyaṭ 2001:24).

Contoh-contoh kesilapan (اللحنُ) pula yang sering ditemui dalam buku-buku sejarah tatabahasa Arab banyak melibatkan i'rāb. Contohnya dalam sebuah surat yang ditulis oleh pembantu Abū Mūsā al-'Ash'ārīy kepada khālīfah 'Umar al-Khatāb, pembantu tersebut menulis (من أباؤم وسى الأشعاريُّ) sepatutnya (من أبي موسى الأشعاريُّ) khālīfah 'Umar mengarahkan Abū Mūsā al-'Ash'ārīy menyebat dan menggantung gaji pembantunya itu ('Abdul Ḥamīd Sayyid Ṭilib tt:21).

Selain daripada itu, terdapat desakan dan gerakan daripada golongan-golongan tertentu supaya sistem i'rāb (الإعراب) bahasa Arab dihapuskan. Gerakan ini dipercayai telah dipelopori oleh orientalis barat bertujuan untuk menyelewengkan umat Islam daripada pemahaman yang sebenar terhadap al-Qur'ān dengan alasan sistem i'rāb (الإعراب) yang diamalkan adalah sukar untuk dipelajari (Ramaḍān 'Abd Tawwāb 1994:417). Kenyataan ini telah disokong oleh Aḥmad Sulaimān Yāqūt (1993:35). Beliau turut menyatakan gerakan menghapuskan i'rāb turut bergerak sejajar dengan seruan menggunakan bahasa Arab dialek (اللغة العامية) dan tidak menitikberatkan pembelajaran tatabahasa Arab (الرحو العربي) yang menyeluruh serta meninggalkan bahasa Arab fuṣḥah. Menurut

beliau lagi, pelaksanaan agenda ini dapat dilihat diperingkat pendidikan pra-sekolah, peringkat rendah dan peringkat menengah.

Pandangan ini berpunca daripada beberapa orang tokoh tatabahasa Arab yang berpendapat bahawa tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) pada akhir perkataan tidak menunjukkan makna yang tertentu. Pandangan ini telah dipelopori oleh Abū ‘Alīy al-Mustanīr atau Quṭrub (206 Hijrah): Pandangan beliau terdapat di dalam al-Ashbāh wa al-Nazāir oleh al-Sayūṭīy (1984:1:108) dan al-Īdāh oleh al-Zujājīy (1959:70)

"وَإِنَّمَا أَعْرَبْتَ الْعَرَبُ كَلَامَهُ؛ لِأَنَّ الْأِسْمَ فِي حَالِ الْوَقْفِ عَلَيْهِ السُّكُونُ الْوَقْفُ فَلَوْ جَعَلُوا وَصْلًا لِلْسُّكُونِ  
أَيْضًا لَدَانَ عَلَيْهِ الْإِسْلَامُ فِي الْوَقْفِ وَالْوَصْلِ وَكَانُوا يَعْطُونَ عِنْدَ الْإِدْرَاجِ فَلَمَّا وَصَلُوا وَأَمَلْتَهُمْ الشَّعْرِيكَ  
مُعَقَّبًا لِلْإِسْلَامِ؛ لِيَهْدَلَ الْكَلَامَ"

*“ Orang-orang Arab sentiasa menandai setiap hujung perkataan (apabila bercakap) dengan tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ). Hal ini disebabkan kata nama (الاسم) ketika hentian (الْوَقْفُ) memerlukan senyapan (السُّكُونُ) Begitu juga ketika mereka menyambung percakapan (الْوَصْلُ) kata nama (الاسم) tetap dalam keadaan senyapan (السُّكُونُ) juga. Jadi, sama ada ketika hentian (الْوَقْفُ) mahupun sambungan (الْوَصْلُ) ia tetap dalam keadaan senyapan (السُّكُونُ) tidak berubah. Mereka teragak-agak menyebut (lambat) hujung perkataan ketika hentian (الْوَقْفُ), lalu ketika hendak menyambung percakapan (الْوَقْفُ) mereka akan terus menyebutnya dengan kasus-kasus tertentu atau tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) tertentu sebagai ganti senyapan (السُّكُونُ) bertujuan menyeimbangkan perkataan....”*

Pandangan beliau telah diikuti dan dikembangkan oleh pakar-pakar bahasa Arab selepas beliau seperti Ibn Maḍa al-Qurṭubiy (592 Hijrah) dalam bukunya “al-Rad ‘Ala al-Nuḥat” ( أَرَدُّ عَلَى النُّحَاة ) (al-Qurṭubiy 1973:33), Anis Fariḥaṭ dalam bukunya “Nahw ‘Arabiyyaṭ Muyassarata” ( نَحْوٌ عَرَبِيٌّ مُبَيَّرَةٌ ) (Anis Fariḥaṭ 1955:24), Ibrāhīm Anīs dalam buku karangan beliau “Min Asrār al-Luḡaṭ” ( مِنْ أَسْرَارِ اللُّغَةِ ) (Ibrāhīm Anīs 1966:122), Qāsim Āmīn dalam bukunya “Kalimāt” ( كَلِمَاتٌ ) (Qāsim Āmīn 1908:243) dan sebagainya. Kesimpulan pandangan mereka tentang sistem i’rab bahasa Arab dapat dilihat seperti berikut:

- a. Tanda-tanda fleksi ( عِلَامَةُ الْإِعْرَابِ ) tidak sama sekali menunjukkan fungsi makna objek ( الْمَفْعُولِيَّةُ ) atau fungsi pelaku ( الْفَاعِلِيَّةُ ), atau fungsi subjek ( الْإِبْتِدَاءُ ) dan sebagainya.
- b. Perlu membiarkan akhir perkataan wakaf tanpa tanda fleksi ( الْفَسْلَانِ ) sekalipun wujud pengubah fleksi ( الْعَمَلُ ) kerana ia tidak mempunyai apa-apa kesan terhadap perubah fleksi ( الْمَعْمُولُ ). Oleh yang demikian, boleh menggugurkan hukum-hukum yang berkaitan dengan agen nominatif ( الْمَرْفُوعَاتُ ), akusatif ( الْوَأَصِبُ ), jazam ( الْجَوَازِمُ ).

- b. Tanda-tanda fleksi yang terdapat di akhir perkataan hanya merupakan tanda bagi mengelakkan pertembungan dua huruf yang tidak ada tanda harakat (إِلْقَاءُ السَّرَّكَينِ) ketika proses menghubungkan perkataan atau percakapan (الْوَصْلُ).
- d. Mereka mengatakan para ahli tatabahasa Arab terdahulu telah mengada-adakan dan mencipta beberapa fenomena fleksi (ظَوَاهِرُ الإِعْرَابِ) sehingga ia menjadi sebuah cerita yang amat menarik dan sentiasa dibaca serta dipelajari dari satu generasi ke satu generasi sejak kurun pertama Hijrah lagi.

Walaupun bagaimanapun, majoriti ahli tatabahasa Arab mengatakan tanda-tanda harakat pada akhir perkataan menunjukkan makna yang berbagai-bagai seperti yang telah ditegaskan oleh Ibn Fāris:

فَلَمَّا الإِعْرَابُ فِي هَيْئِ الْمَعْنَى وَيُفْتَحُ عَلَى الْأَعْرَاضِ الْمُتَكَلِّمِينَ...

*“sesungguhnya i’rab dapat membezakan makna dan dengannya maksud orang yang bercakap dapat diketahui”.*

(Ṣubḥīy Ṣāliḥ 1960:117)

Menurut Aḥmad Sulaimān Yāqūt (1993:189), sistem i’rāb (الإِعْرَابِ) ini juga telah dikenalpasti sebagai kaedah yang telah digunakan oleh penafsir-penafsir al-Qur’ān sama ada dahulu mahupun sekarang bagi

memperolehi makna serta huraian yang lebih tepat. Terutama sekali apabila berlaku percanggahan pendapat di antara mereka. Mereka akan menilai semula kedudukan sesuatu perkataan atau ayat dari segi i'rāb seterusnya melihat peranan pengubah fleksi (الْعَامِلُ), perubah fleksi (الْمُؤَوَّلُ) dan tanda fleksi (عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) dalam sesuatu ayat bagi memperolehi makna yang lebih jelas. Ini adalah kerana pengetahuan terhadap makna sesuatu perkataan sahaja tidak dapat membantu mereka untuk mencapai maksud dan tujuan sebenar ayat-ayat al-Qur'ān. Hal ini merupakan fenomena yang biasa terjadi di kalangan penafsir-penafsir al-Qur'ān yang berpunca daripada pemahaman tentang i'rāb yang berbeza. Hasilnya terdapat pelbagai kecenderungan tafsiran terhadap nas-nas di dalam al-Qur'ān seperti yang dilakukan oleh penafsir-penafsir dari golongan al-Mu'tazilat, al-Mutaṣawwifāt, Syī'ah dan lain-lain (Aḥmad Sulaimān Yāqūt 1993:189).

Kajian juga menunjukkan bahawa penguasaan sistem i'rāb (الْإِعْرَابِ) oleh penuntut-penuntut bahasa Arab di Malaysia sekalipun di peringkat institusi pengajian tinggi adalah lemah sedangkan i'rāb merupakan subjek penting dalam penguasaan pelajaran bahasa Arab (Muhammad Idris (1996) dalam tesis peringkat sarjana di Universiti Malaya yang bertajuk “ Analisis Sistem I'rāb Bahasa Arab” terhadap pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Nilam Puri. Di Dalam kajiannya beliau telah menyimpulkan faktor-faktor kesilapan pelajar di dalam meletakkan tanda-

tanda fleksi bahasa Arab (عِلْمُ الْإِعْرَابِ) berdasarkan sistem i'rāb bahasa

Arab yang betul seperti berikut:

1. Kurang kemahiran dalam Sintaksis bahasa Arab
2. Kekeliruan mengenai jenis kata dan fungsi partikal bahasa Arab
3. Sikap dan motivasi pelajar yang rendah untuk mempelajari bahasa Arab.
4. Guru dan kaedah pengajaran yang kurang berkesan.
5. Tiada persamaan kaedah sintaksis antara bahasa Arab dan bahasa Melayu
6. Masa pengajaran yang singkat (Muhammad Idris 1996: 226-234).

Selain daripada hasil kajian yang memaparkan tentang kelemahan pelajar-pelajar menguasai sistem i'rāb (الإِعْرَابِ) seperti di atas, perkembangan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia turut menjadi faktor penguat kepada kajian ini. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan mata pelajaran bahasa Arab di semua sekolah di Malaysia bermula di peringkat sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Untuk tujuan itu, pihak (KPM) telah menyediakan buku-buku teks dan buku-buku latihan bahasa Arab bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut di semua peringkat. Perkembangan ini menggambarkan mata pelajaran bahasa Arab semakin



diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan. Oleh yang demikian, kajian mendalam dari segenap aspek terhadap sistem i'rāb (الإعراب) amat diperlukan untuk menampung keperluan pengembangan subjek ini dari sekolah hingga ke peringkat ijazah tinggi (Kementerian Pelajaran Malaysia 2004:22).

Selain daripada itu, pelancaran program j-QAF oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 2005, bertujuan memperkasa mata pelajaran Pendidikan Islam dengan penekanan khusus kepada program Jawi, al-Qu'rān, Bahasa Arab dan Farḍu 'Ain. Untuk memastikan keberkesanan program j-QAF pihak kementerian perlu menyediakan barisan guru-guru yang pakar dalam subjek yang diajar dan terlatih dengan kaedah pendidikan yang berkesan. Institusi-institusi perguruan Malaysia seperti Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Maktab-Maktab Perguruan seluruh Malaysia dan lain-lain lagi telah diberi amanah untuk melatih guru-guru tersebut. Mereka akan dilatih untuk mendalami subjek-subjek di atas serta teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan terhadap subjek-subjek di atas termasuklah bahasa Arab. Memandangkan sistem i'rāb (الإعراب) merupakan aspek penting dalam bahasa Arab, program latihan perguruan j-QAF. yang dijalankan oleh institusi-institusi perguruan seluruh Malaysia amat memerlukan hasil

kajian seperti ini kerana ia amat relevan untuk memperkasa dan memartabatkan bahasa Arab di Malaysia (Kamarul 2007:155).

Usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melahirkan barisan guru-guru yang berdedikasi tidak terhenti setakat ini sahaja bahkan pihak kementerian sedang mengorak langkah menyediakan ruang bagi guru-guru j-QAF yang sedang mengajar di sekolah-sekolah melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi ke peringkat sarjana dan doktor falsafah bagi mendalami ilmu dalam pengajian Islam dan bahasa Arab. Bagi pelajar bahasa Arab peringkat tinggi, penelitian terhadap aspek-aspek penting bahasa Arab perlu dilakukan secara mendalam. Antara aspek yang tidak boleh dikesampingkan ialah aspek sistem i'rāb (الإعراب) kerana peranannya sebagai tulang belakang kepada ilmu Nahu. Oleh yang demikian, hasil kajian ini pasti menjadi input berguna kepada pelajar-pelajar dan guru-guru di peringkat pengajian tinggi.

Berdasarkan rasional yang telah dinyatakan, penulis mempunyai alasan yang kuat untuk melanjutkan kajian ini. Kajian ini juga dianggap amat relevan bagi memperdalam satu sistem dalam bahasa Arab yang sangat unik dan dianggap sebagai salah satu ciri kefasihan bahasa al-Qur'ān itu.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai objektif yang perlu dicapai dan dilaksanakan. Secara umumnya penulis membahagikan objektif kajian ini kepada objektif am dan objektif khas seperti berikut:

#### **1.3.1 Objektif Am**

1. Untuk memartabatkan penggunaan bahasa Arab di Malaysia sebagai bahasa yang unggul dan dapat diterima pakai oleh seluruh penduduknya. Hal ini merupakan manifestasi daripada ajaran Islam yang menggalakkan umatnya mengkaji dan mendalami kitab suci al-Qur'ān sebagai pemangkin untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.
2. Menggalakkan pencinta bahasa Arab untuk mendalami dan menyelami struktur bahasa dan sejarah perkembangan bahasa al-Qur'ān ini. Hanya dengan cara ini cinta terhadap keindahan ajaran Islam dan bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'ān dapat dicapai.
3. Mengenali tokoh-tokoh ahli tatabahasa Arab serta sumbangan mereka dalam mengasaskan cabang-cabang ilmu bahasa Arab.

#### **1.3.2 Objektif Khusus**

Manakala objektif khusus yang dapat digariskan dalam kajian tentang i'rab ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti dengan lebih terperinci perspektif tersendiri Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkenaan dengan perbahasan sistem i'rāb (الإِعْرَابِ) dalam “al-Kitāb (الْكِتَابُ)” dan dalam “Ham’u al-Hawāmi’i Fi Syarḥi Jam’i al-Jawāmi’i (هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِعِ)”.
2. Menganalisis persamaan dengan lebih mendalam tentang sistem i'rāb (الإِعْرَابِ) yang terdapat dalam buku Sībawayh “al-Kitāb (الْكِتَابُ)” dan buku Jalāluddīn al-Sayūṭīy “Ham’u al-Hawāmi’i Fi Syarḥi Jam’i al-Jawāmi’i (هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِعِ)”.
3. Menganalisis perbezaan dengan lebih mendalam tentang sistem i'rāb (الإِعْرَابِ) yang terdapat dalam buku Sībawayh “al-Kitāb (الْكِتَابُ)” dan buku Jalāluddīn al-Sayūṭīy “Ham’u al-Hawāmi’i Fi Syarḥi Jam’i al-Jawāmi’i (هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِعِ)”.

#### 1.4 Bidang Kajian

Kajian ini merupakan kajian dalam bidang nahu (tatabahasa) Arab. Pada umumnya kajian ini tertumpu kepada kajian dan analisis hakikat bahasa secara objektif. Namun, aspek-aspek linguistik yang lain tidak dapat diketepikan. Contohnya aspek hubungan bahasa dengan kemasyarakatan (sosiolinguistik), aspek kajian perkembangan bahasa dari zaman-ke zaman (linguistik sejarawi ), aspek yang memanfaatkan

pemerian, perkaedahan dan hasil penelitian linguistik untuk pelbagai keperluan amali (linguistik terapan), aspek perbandingan ciri-ciri perbezaan dan persamaan beberapa bahasa dan sebagainya. Di samping itu, kajian tentang kaedah yang menerangkan ciri-ciri perkataan dan kedudukan perkataan dalam ayat bagi tujuan pembinaan pelbagai ayat dengan cara yang sewajarnya turut menjadi fokus kajian ini.

### 1.5 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan satu perbandingan sistem i'rāb (الإعراب) antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy. Oleh yang demikian, perbandingan dan persamaan dalam kajian ini hanya terbatas kepada pandangan kedua-dua tokoh tersebut tentang sistem i'rāb (الإعراب) dalam buku karangan masing-masing. Walaubagaimanapun bahan rujukan lain turut digunakan sebagai sokongan kepada buku utama dalam kajian ini. Bagi Sībawayh buku karangan beliau yang terkenal ialah “al-Kitāb (الكتاب)”. Manakala bagi al-Sayūṭīy buku karangan beliau yang paling tersohor dalam bidang nahu ialah “Ham'u al-Hawāmi'i Fī Syarḥi Jam'i al-Jawāmi'i ( هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ ) (الجوامع)”. Model kajian perbandingan ini terbatas kepada, model sistem i'rāb (الإعراب) berdasarkan kategori perubah fleksi al-lafzīy al-qiyāsīy (الْعَامِلُ اللَّفْظِيُّ) dalam kitab “al-'Awāmil al-Mi'aṭ al-Naḥwiyyaṭ Fī 'Usūl al-'Ilm al-

'Arabiyyaṭ ( أَلْعَوَامِلُ الْمِئَةُ النَّحْوِيَّةُ فِي أُصُولِ الْعِلْمِ الْعَرَبِيِّ ) ” oleh 'Abdul Qāhir al-Jurjānīy. Sebanyak lima kategori iaitu kata nama fi'la ( اِسْمُ الْفِعْلِ ), penggabungan ( اِلِضَافَةٌ ), kata nama terbitan ( اَلْمَصْدَرُ ), ṣifaṭ musyabbahaṭ ( اَلصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةٌ ), kata nama pelaku ( اِسْمُ الْفَاعِلِ ) telah dipilih. Aspek-aspek nahuan yang berkaitan dengan sistem i'rāb ( اِلِغْرَابِ ) ini dipilih disebabkan kepentingannya dan kekerapan penggunaannya dalam teks-teks bahasa Arab terutamanya dalam kitab al-Qur'ān .

Begitu juga perbincangan mengenai status 'āmil akan dirujuk sepenuhnya kepada teori 'āmil yang terdapat di dalam kitab “al-'Awāmil al-Mi'aṭ al-Naḥwiyyaṭ Fī 'Usūl al-'Ilm al-'Arabiyyaṭ ( اَلْعَوَامِلُ الْمِئَةُ النَّحْوِيَّةُ فِي أُصُولِ اَلْعِلْمِ الْعَرَبِيِّ ) ” oleh 'Abdul Qāhir al-Jurjānīy. Hal ini disebabkan beliau merupakan pengasas dan pemaju teori 'āmil. Teori beliau telah banyak membawa perubahan kepada perkembangan bahasa Arab khususnya dalam bidang pengajaran bahasa Arab kerana teori 'āmil telah memudahkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (Badrāwiy Zahran 1988:3). Kajian hanya menjurus aspek sintaksis semata khususnya ketika proses penghuraian. Penulis tidak menyentuh persoalan makna kecuali ketika perlu sahaja. Manakala nas-nas al-Qur'ān yang diambil sebagai contoh telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu

berdasarkan kitab Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'ān bahagian hal ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

### 1.5.1 Rasional Pemilihan Sampel Kitab al-Kitāb (الْكِتَابُ) oleh Sībawayh.

Kitab karangan Sībawayh ini telah terkenal dengan judul al-Kitāb (الْكِتَابُ) sekalipun beliau sendiri tidak menamakannya dengan sedemikian.

al-Kitāb (الْكِتَابُ) merupakan kitab terawal dalam bidang tatabahasa Arab

yang wujud hingga ke hari ini. Ia mengandungi pelbagai ilmu tentang

bahasa Arab seperti sintaksis (النَّحْوُ), morfologi (الصَّرْفُ) dan fonetik (الأصْوَاتُ)

(‘Imīl Badī’ 1999:1:17). Ia telah dipersembahkan dalam bentuk yang paling

sistematik, diiktiraf sebagai yang paling lengkap, mempunyai penjelasan

yang sangat berkesan serta penuh dengan asas-asas yang kukuh untuk

dikembangkan dalam bidang tatabahasa Arab moden. Keunggulan al-

Kitāb (الْكِتَابُ) ini diperakui oleh ramai tokoh tatabahasa Arab. Hal ini dapat

dilihat melalui komen yang memberangsangkan oleh lebih daripada 15

orang ulama’ terkenal sehingga al-Kitāb (الْكِتَابُ) mendapat gelaran Qur’ān

al-Naḥwi (قُرْآنُ النَّحْوِ) antaranya ‘Abd al-Salām Muḥammad Harūn (1966:24)

Di samping itu, ia merupakan simbol dan mercu tanda kecemerlangan

ahli-ahli tatabahasa Arab lama dan moden (‘Abd al-Salām Muḥammad

Hārūn 1966:24 dan ‘Imīl Badī’ 1999:19)

Menurut 'Imīl Badī' (1999:18), kitab ini bukanlah pandangan peribadi Sībawayh semata-mata. Ia turut mengandungi pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan ahli tatabahasa Arab temasyhur seperti Khalīl ibn Aḥmad al-Farahidīy, Yūnus bin Ḥabīb al-Baṣrīy, Abū al-khaṭṭab al-Akhfasy, 'Isā bin 'Umar, Abū 'Amrū bin al-'Alā', 'Abdullāh bin Abī Ishāk, al-Asma'īy dan Abū Zaid merupakan guru kepada Sībawayh yang utama. Menurut Ibn Nadīm (tt:57) seramai 42 orang telah terlibat menyusun kitab Sībawayh selain Sībawayh sendiri. Penyataan Ibn Nadīm di atas menjelaskan bahawa al-Kitāb ( الْكِتَابُ ) merupakan himpunan ilmu-ilmu seluruh ahli tatabahasa Arab sebelum dan sezaman dan dengan Sībawayh. Kenyataan tersebut disokong oleh pernyataan al-Khalīl kepada Sībawayh bahawa seluruh ilmu berkaitan dengan tatabahasa Arab telah hilang kecuali yang telah ditulis oleh 'Isa bin Umar dalam kitab al-Jāmi' ( الْجَامِعُ ) dan kitab al-Ikmāl ( الْإِكْمَالُ ) ('Imīl Badī'1999:19). Sībawayh sendiri sebelum ini telah mempelajari dua buah kitab tersebut dengan 'Isā bin 'Umar ('Imīl Badī'1999:19). Hal ini tidak menunjukkan rendahnya kredibiliti Sībawayh, bahkan itulah hakikat ilmu kerana mustahil bagi Sībawayh menghasilkan sesuatu ilmu tanpa mengambil kira pendapat-pendapat ahli tatabahasa sebelumnya.



### 1.5.2 Rasional Pemilihan Kitab Ham‘u al-Hawāmi‘i Fi Syarḥi Jam‘i al-Jawāmi‘i (هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِعِ).

Kitab Ham‘u al-Hawāmi‘i Fi Syarḥi Jam‘i al-Jawāmi‘i ( هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِعِ ) pula merupakan kitab yang kedua dipilih sebagai sampel kajian atas beberapa rasional. Sumbangan penulis kitab ini dalam bidang ilmu memang terlalu banyak untuk dikira. Ini merupakan faktor utama penulis memilih buku ini sebagai sampel. Al-Sayūṭīy telah mengarang lebih daripada enam ratus buah buku dalam pelbagai bidang agama termasuklah tafsīr al-Qur‘ān, fiqh, al-ḥadīth, sejarah al-Qur‘ān, sejarah tatabahasa Arab, kajian terhadap tokoh bidang tatabahasa Arab, kajian terhadap tokoh bidang tafsīr al-Qur‘ān, kajian terhadap tokoh bahasa Arab dan tokoh ilmu retorika Arab dan sebagainya (Aḥmad Syamsuddīn1998:7)

Di dalam bidang al-Qur‘ān, beliau telah menghasilkan karya-karya yang bebas daripada ḥadīth-ḥadīth rekaan dan cerita isrāīliyyaṭ. Hal ini dapat diketahui melalui kitabnya seperti Lubāb al-Nuqūl Fī asbāb al-Nuzūl, al-Dur al-Manthūr Fi Tafsīr Bi al- Ma‘thūr, al-Itqān Fi Ulūm al-Qur‘ān al-Nāsikh Wa al-Mansūkh dan sebagainya(Aḥmad Syamsuddīn1998:8).

Manakala dalam bidang ḥadīth pula, terdapat banyak kitab karangannya yang masyhur seperti al-Dībāj ‘Alā Taṣḥīḥ Muslim Bin al-

Ḥajāj, al-Khaṣāis al-Kubrā, al-Jāmi' al-Ṣaghīr dan sebagainya. Di dalam bidang fiqh pula beliau mempunyai karya yang bermutu tinggi seperti al-Wasāil Ilā Ma'rifaṭ al-Awā'il dan al-Rad 'Alā Man Akhlada Ilā al-Arḍ Wa Jahala 'Ani al-Ijtihād Fī Kulli 'Aṣrin Farḍun (Aḥmad Syamsuddīn1998:8).

Beliau turut memberi sumbangan yang besar dalam bidang bahasa Arab. Karya-karya beliau mampu menyemarakkan lagi kajian-kajian bahasa Arab pada masa beliau dan zaman selepasnya. Salah sebuah buku karangan beliau dalam bidang tatabahasa Arab telah dikenali sebagai 'Uṣūl an-Naḥwiyy (perintis ilmu tatabahasa Arab). Di antara karya beliau dalam bidang bahasa Arab yang terkenal termasuklah al-Muzhir Fī Ulūm al-luḡaṭ, al-Asybah Wa al-Nazāir al-Naḥwiyyaṭ, Ham'u al-Hawāmi'i Fī Syarḥi Jam'i al-Jawāmi'i dan sebagainya (Aḥmad Syamsuddīn1998:9).

Dengan jumlah sumbangan yang begitu besar dalam pelbagai bidang ilmu Islam dan bahasa Arab, melayakkan beliau digelar Imam (pemimpin) ilmu dalam bidang-bidang tertentu. Menurut Aḥmad Syamsuddīn (1998:7) kitab *Jam'u al-Jawāmi'i* merupakan karya beliau yang terunggul dalam bidang nahu. Oleh kerana kesungguhan yang tinggi untuk memartabatkan bidang nahu bahasa Arab, beliau sendiri telah bertindak mengarang satu kitab lain yang dikenali sebagai *Ham'u al-Hawāmi'i* . Kitab ini berperanan sebagai syarah kepada kitab *Jam'u al-Jawāmi'i*.

## 1.6 Metodologi kajian

Kajian ini pada dasarnya adalah kajian perpustakaan menggunakan teknik analisis kandungan kualitatif secara perbandingan. Berkaitan dengan teknik analisis kandungan ini, Berelson (1952:18) menyatakan definisinya iaitu

*“... a research technique for the objective, systematic and quantitative description of manifest content of communication.”*

Sehubungan itu, analisis kandungan adalah satu teknik penyelidikan dalam bidang komunikasi masa yang berkaitan dengan teks bertulis. Palmquist (2002:134 ) menghurai teks dengan maksud yang luas meliputi buku-buku, bab-bab daripada buku, essei, hasilan temubual, perbincangan, artikel dan tajuk utama akhbar, dokumen-dokumen sejarah, ucapan-ucapan, perbualan, bahan-bahan iklan, bahan teater, bahan perbualan tidak formal atau apa-apa sahaja yang boleh dikaitkan dengan komunikasi bahasa.

Pada tahun 1910, Max Weber (1911 dlm. Krippendorff (1981:222) telah memperkenalkan kaedah penyelidikan ini untuk digunakan dalam penyelidikan akhbar, namun ia digunakan secara praktis sejak 1950-an (de Sola Pool 1959 dalam Palmquist 2002:145). Pada masa kini, teknik ini telah menjadi instrumen penyelidikan yang penting dalam pelbagai bidang

termasuk kesusasteraan, sejarah, penulisan majalah, sains politik, pendidikan, psikologi dan sebagainya ( Neuman 1997:199).

Pada peringkat awal, teknik ini digunakan dalam penyelidikan yang bercorak kuantitatif sahaja (Berelson 1952:230), setelah itu ia telah berkembang dalam penyelidikan yang bercorak kualitatif (Neuman 1997:108, Mayring 2000:320, Altheide 1987:140, Altheide t.th & Thompson 2002:320). Begitu juga, kajian bukan hanya dijalankan terhadap bahan yang *manifest* (tersurat) (Berelson 1952:112), tetapi juga lebih mendalam terhadap bahan yang bersifat *latent content* ( kandungan tersirat) (Neuman 1997:207, Becker & Lissmann 1973:110, Mayring 2000:141) . Tambahan dari itu, teknik penyelidikan menggunakan analisis kandungan kualitatif juga berkembang menjadi analisis kandungan secara etnografi ( *Ethnographic content analysis*) . Dalam hal ini Altheide1987 dan Altheide, t.th.: 1 ) menyatakan:

*Ethnographic content analysis (ECA) refers to an integrated method, procedure and technique for locating, identifying, retrieving and analyzing documents for their relevance, significance and meaning. The emphasis is on discovery and description, including search for contexts, underlying meanings, patterns and processes rather than mere quantity or numerical relationship between two or more variables.*

Namun begitu, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa analisis kandungan secara etnografi ( *Ethnographic content analysis-ECA*) yang digunakan adalah juga mengaplikasi teknik analisis

kandungan kualitatif ( *Qualitative Content Analysis – QCA*) ( Thompson 2002:250).

### 1.6.1 Sampel Kajian

Penentuan sample merupakan prosedur utama bagi sesuatu kajian yang menggunakan teknik analisis kandungan. Kajian ini menggunakan sampel khusus (*purposive sampling*) yang telah ditentukan oleh pengkaji daripada dua buah kitab iaitu al-Kitāb (الْكِتَابُ) (Sībawayh:1999) dan Ham‘u al-Hawāmi‘i Fī Syarḥi Jam‘i al-Jawāmi‘i ( هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِعِ ) (Al-Sayūṭiy:1998). Sampel kitab al-Kitāb (الْكِتَابُ) yang digunakan sepenuhnya ialah susunan ‘Imīl Badī‘ Ya‘kūb (1999) dalam bahasa Arab. Sementara unit sampel bagi al-Kitāb (الْكِتَابُ) ialah tajuk-tajuk yang terkandung dalam jilid 1, 2, 3 dan 4. Namun, keseluruhan jilid 5 tidak dilibatkan dalam kajian ini kerana bahagian tersebut hanya mengandungi indeks kepada al-Kitāb (الْكِتَابُ). Sampel “Ham‘u al-Hawāmi‘i Fī Syarḥi Jam‘i al-Jawāmi‘i ( هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِعِ )” pula adalah tulisan Jalāluddīn al-Sayūṭiy oleh Aḥmad Syamsuddīn (1998), 5 jilid, Dār al-kutub al-‘ilmiyyaṭ, Bayrūt. Jadual 4.1 merupakan unit sampel analisis kandungan bagi kajian ini.

**Jadual 4.1:Unit Sampel Analisis Kandungan**

<b>Nama Singkatan</b>	<b>Nama Kitab</b>	<b>Sandaran/ Pengarang</b>	<b>Unit Analisis</b>
Kitab	Al-Kitāb	Sībawayh (Abū Bisyr ‘Amrū Ibn Othmān Ibn Qanbar)	Kategori-kategori asas sistem i‘rāb (الإعراب)
Ham‘u	Ham‘u al Hawāmi‘i Fī Syarḥi Jam‘i al-Jawāmi‘i	Al-Sayūṭīy (Jalāluddīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr al-Sayūṭīy)	Kategori-kategori asas sistem i‘rāb (الإعراب)

### 1.6.2 Pandangan Sarjana Bahasa Arab Terhadap Kitab al-Kitāb (الْكِتَابُ).

Terlalu banyak pandangan yang telah diutarakan oleh ahli tatabahasa Arab tentang kitab al-Kitāb (الْكِتَابُ). Dalam bahagian ini, penulis hanya mengutarakan sebahagian sahaja pandangan ahli tatabahasa Arab terhadap al-Kitāb (الْكِتَابُ). Menurut al-Baghdādīy (1931: Juzuk 12:196) al-kitāb (الْكِتَابُ) merupakan ikutan/panduan utama (الإمام) dalam bidang nahu bahasa Arab oleh pakar-pakar nahu yang lain. Manakala menurut Abū al-Ṭayyib al-Lughawīy (tt:65) al-kitāb (الْكِتَابُ) mendapat julukan Qur‘ān al-Naḥwi (قُرْآنُ النَّحْوِ) sehingga menarik minat seorang ahli tatabahasa Arab Andalusia (Sepanyol) ‘Abdullāh Bin Muḥammad ‘Isā yang dikatakan dapat mengkhatam al-kitāb (الْكِتَابُ) setiap

lima belas hari seperti bacaan al-Qur'ān. Berkaitan dengan kewibawaan al-kitāb ( الْكِتَابُ ) Ibn al-Nadīm (tt:77) merekodkan bahawa Abū Othmān Bakr Bin Muḥammad al-Māzinīy telah berkata “Seseorang itu hendaklah berasa malu sekiranya ia mendakwa telah menghasilkan buku yang hebat selepas kewujudan al-kitāb ( الْكِتَابُ )” . Fakta ini menunjukkan ketinggian ilmu yang terkandung dalam al- al-kitāb ( الْكِتَابُ ). Sementara itu, kegigihan Sībawayh digambarkan oleh al-Sīrāfiy sebagai satu yang sangat berharga, manakala usaha Sībawayh menyusun ilmu nahu merupakan sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh sesiapaupun sebelumnya (al-Sīrāfiy 1954:48). Dengan pengiktirafan yang tinggi terhadap hasil karyanya daripada ahli-ahli tatabahasa Arab, beliau telah meraih kedudukan yang tinggi dalam bidang tatabahasa Arab sebagai manusia yang paling mengetahui dalam bidang ini selepas Khalīl ibn Aḥmad al-Farahidīy Ibn al-Nadīm (tt:65)

### **1.6.3 Pengumpulan dan Penganalisan Data**

Kaedah pengumpulan dan penganalisan data dalam kajian ini telah digunakan dalam disertasi dua orang pengkaji peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Phd) Fakulti Bahasa & Linguistik Universiti Malaya iaitu Siti Ikbāl Sheikh Salleh (2000) dalam disertasi yang bertajuk Analisis Gaya Bahasa Al-Insya' Dalam Surah al-Nūr dan Abd. Rauf Hassan (2002)

yang bertajuk Peminjaman Bahasa Asing Dalam Kamus al-Miṣbah al-Munīr. Penulis akan menganalisa dokumen-dokumen dan bahan-bahan yang berkaitan sama ada dalam bahasa Arab, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Seterusnya data-data yang diperolehi akan dikumpulkan dan dianalisa secara bertema (*thematic approach*) untuk menghasilkan dapatan kajian. Hanya tajuk-tajuk yang berkaitan dengan sistem i'rab dengan penekanan khusus kepada faktor-faktor pengubah fleksi (الْعَامِلُ), perubah fleksi (الْمَعْمُولُ) dan tanda fleksi (الْإِعْرَابُ أَوْ عَلَامَةُ الْإِعْرَابِ) akan dikaji dan dianalisis. Penulis menyandarkan hampir keseluruhan kajian ini melalui kaedah ini bagi memastikan ia mencapai matlamat. Kaedah-kaedah lain yang digunakan adalah seperti berikut:

#### **1.6.3.1 Kaedah Perbandingan**

Kaedah Perbandingan merupakan kaedah utama dalam kajian ini. Perbandingan dijalankan terhadap sistem i'rāb (الْإِعْرَابُ) dari perspektif Sībawayh dan al-Sayūṭīy . Menurut kamus Dewan (2000:100) perkataan *banding*, *membandingkan* dan *memperbandingkan* merujuk kepada maksud melihat (menunjukkan) persamaan dan perbezaan antara dua benda. Kaedah perbandingan ini turut dikenali sebagai kaedah kontrastif. Sementara itu, Jonathan Crowther (1995:252) menyatakan perkataan kontrastif berasal daripada perkataan bahasa Inggeris "contrast" yang dijelaskan melalui frasa ini "to compare two things or people or one thing



*or a person with another so that the differences are made clear* ". Dalam bahasa Arab kontrastif dapat dipadankan dengan kata al-Muqāranat (المُقَارَنَةُ) yang bermaksud "perbandingan" (Kamus Besar Arab-Melayu 2006:1868). Menurut Halliday (1970: 113) kaedah analisis kontrastif mempunyai dua prinsip tertentu iaitu menghuraikan sebelum membandingkan dan membandingkan pola-pola tertentu dan bukan bahasa secara keseluruhan. Prinsip pertama hanya dapat dijalankan setelah sesuatu sistem bahasa itu dapat difahami. Manakala prinsip kedua pula menyatakan perbandingan tidak dapat meliputi keseluruhan item sebaliknya hanya beberapa unsur sahaja yang dapat dibandingkan. Sementara itu, Lado (1964:67) menjelaskan kaedah analisis kontrastif perlu melalui tahap-tahap berikut:

1. Menghuraikan ciri-ciri yang akan dibandingkan.
2. Memastikan bahawa ciri-ciri tersebut dapat dibandingkan.
3. Membandingkan ciri-ciri dengan melihat persamaan dan perbezaan.

Dalam kajian ini, penulis telah mengaplikasikan kaedah perbandingan berdasarkan pendekatan Halliday (1970: 113) dan Lado (1964:67) bagi menghasilkan persamaan dan perbezaan.

### **1. 6.3.2 Kaedah Historis**

Ia melibatkan kajian sejarawi seperti kajian perkembangan tatabahasa Arab pada abad pertama Hijrah hingga abad kesembilan Hijrah, kajian terhadap tokoh-tokoh ilmu tatabahasa Arab yang terdahulu dan sumbangannya terhadap perkembangan tatabahasa Arab serta pertumbuhan aliran tatabahasa Arab seperti aliran tatabahasa Arab Baṣrah dan aliran tatabahasa Arab Kūfah. Antara tokoh yang terkenal daripada aliran Basrah termasuklah Abdullāh bin Abī Ishāq (wafat 117 Hijrah), 'Isa bin 'Umar al-Thaqāfiy (wafat 149 Hijrah), Abū 'Amru al-'Ala'(wafat Hijrah ), Abu 'Amrū bin Othmān ibn Qanbur (Sībawaih) (wafat Hijrah ) dan sebagainya ('Abdul Ḥamīd Sayyid Ṭilib:tt:95). Manakala tokoh daripada aliran nahu kūfah seperti al-Mufaḍal al-Ḍabbiy (wafat 170 Hijrah), al-Kisā'i (wafat 183 Hijrah ), al-Farra'(wafat 187 Hijrah ) dan sebagainya ('Abdul Ḥamīd Sayyid Ṭilib:tt:171).

### **1. 6.3.3 Kaedah Dokumentari**

Kaedah ini adalah cara pengumpulan data yang utama digunakan dalam kajian ini. Ia meliputi penelitian terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah yang dikaji sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kaedah ini digunakan untuk mengumpulkan data mengenai konsep i'rāb, fungsi, peranan aplikasi dalam proses memahami sesuatu maksud teks bahasa Arab tertentu dan sebagainya. Di antara dokumen-dokumen penting yang digunakan dalam kajian ini termasuklah

al-Qur'ān al-Karīm, ḥadīth, buku-buku linguistik Arab, kamus, jurnal, disertasi-disertasi lampau yang berkaitan dengan kajian ini.

#### **1.6.3.4 Kaedah Penganalisan Data**

Kaedah ini amat penting bagi menganalisis semua data atau maklumat yang diperolehi oleh penulis. Bagi tujuan ini penulis akan menggunakan kaedah *induktif*, kaedah *deduktif* dan kaedah *komparatif*. Kaedah Induktif bermaksud mengemukakan data yang bersifat khusus untuk memberi kesimpulan yang berbentuk umum. Penganalisan dibuat berdasarkan data-data yang diperolehi daripada penulisan ahli filologi dan ahli tatabahasa Arab. Kaedah deduktif pula ialah mengemukakan sesuatu pernyataan dan seterusnya memberi bukti-bukti kukuh yang menjadi hujah pernyataan itu. Kaedah komparatif ialah membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi

#### **1.6.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data**

Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan sesuatu yang penting bagi menentukan kebenaran dan kejituan sesuatu kajian yang dilaksanakan. Kajian ini menggunakan beberapa proses kesahan dan kebolehpercayaan bagi kesemua kutipan yang dilaksanakan. Untuk tujuan kesahan kutipan data analisis kandungan, pengkaji menggunakan proses triangulasi pelbagai sumber. Triangulasi data seumpama ini turut dijalankan oleh Thompson (2002: 1) dan beliau menyatakan:

*“Triangulation is a method used by qualitative researches to check and establish validity in their studies ... Data triangulation involves the use of different sources of data/information .”*

Bagi kutipan data dari kitab utama iaitu bagi al-Kitāb (الْكِتَابُ) susunan ‘Imīl

Badī’ (1999) dan kitab Ham’u al-Hawāmi’i (هَمْعُ الْهَوَامِعِ) (Ham’u) susunan

Aḥmad Syamsuddīn (1998), pengkaji menggunakan khidmat semakan seorang pakar bahasa Arab berkelulusan Sarjana Bahasa Arab dan semakan rakan (*peers check*) yang menguasai bahasa Arab (yang terlebih dahulu difahamkan dengan tatacara kajian ini). Tambahan daripada itu, syarah al-Kitāb (الْكِتَابُ) ‘Imīl Badī’ (1999) dan ‘Abd al-Salām

Muḥammad Harūn (1966) turut digunakan bagi tujuan kesahan. Kitab

“Ham’u al-Hawāmi’i Fī Syarḥi Jam’i al-Jawāmi’i ( هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ

الْجَوَامِعِ )” merupakan kitab al-Sayūṭī yang menghuraikan Jam’u al-Jawāmi’

(جَمْعُ الْجَوَامِعِ) oleh Aḥmad Syamsuddīn (1998) digunakan sepenuhnya

sebagai rujukan dan kesahan. Kesemua data-data yang telah

dikumpulkan adalah disusun secara bertema. Bagi kutipan data kitab al-

Kitāb (الْكِتَابُ), beberapa buah penulisan dan huraian bagi tema-tema

sistem i’rāb (الإِعْرَابِ) berasaskan petikan daripada al-Kitāb (الْكِتَابُ) turut

dirujuk. Sumber-sumber rujukan tersebut dinamakan sebagai kitab-kitab rujukan terpilih.

#### **1.6.5 Pengulas Dan Pengedit Terhadap Al-kitāb (الْكِتَابُ).**

Menurut 'Abd al-Salām Muḥammad Hārūn (1966:24) sejak kurun ketiga hijrah hingga ke kurun sembilan hijrah terdapat kumpulan-kumpulan ulama' yang membahas, menghurai dan mengulas kitab beliau tak kurang pula yang menyanggahnya. 'Imīl Badī' (1999:20) telah menyenaraikan pengulas dan pengedit daripada kalangan ahli tatabahasa terhadap al-kitāb (الْكِتَابُ). Walaubagaimanapun, penulis hanya menyenaraikan sebahagian sahaja memandangkan jumlah pengulas dan pengkritik yang sangat ramai seperti berikut:

1. Ibn. Abī Burdaṭ (al- Qāḍīy Ab Muḥammad 'Ubaidillāh bin Muḥammad)al Intiṣār Li Sībawayh 'Alā Abī al-'Abbās bin al-Mubarrid Fī Kitāb al-Ghilṭaṭ.
2. Ibn Abī al-Rabī' (Abū al-Husayn 'Ubaidullāh bin Aḥmad al-Isybīlīy 1279 M). Syarah kitāb Sībawayh.
3. Ibn Abī Rukbi (Abū Bakr Muṣ'ab bin Muḥammad al-Khasyniy al-Andalusīy al-Jiyānīy 1149M). Syarah kitāb Sībawayh.
4. Ibn al-Bādhisy ('Alīy Bin Muḥammad Bin Khalaf al-Ansārīy al-Gharnāṭīy al-Naḥwiyy 1133M). Syarah kitāb Sībawayh.
5. Ibn al-Ḥājj (Abū al-'Abbās Aḥmad Bin Muḥammad 1253M). Syarah kitāb Sībawayh.

6. Ibn al-Ḥāḥib (‘Othmān Bin ‘Amr al-Mālikiy al-Naḥwiyy 1248M). Syarah kitāb Sībawayh.
7. Ibn Kharūf (‘Alīy Bin Muḥammad Bin ‘Alīy al-Ḥaḍramīy al-Isybīlīy 1212M). Tanqīḥ al-Albāb Fī Syarḥ Ghawāmiḍ al-Kitāb.
8. Ibn. Khair al-Isybīlīy (Abū Bakr Muḥammad 1179). Kitāb Sībawayh Wa Syarḥuhu.
9. Ibn Darastawayh (Abū Muḥammad ‘Abdullāh Bin Ja’far 958M). Syarah kitāb Sībawayh, Munāzaraḥ Sībawayh Lil Mubarrid wa al-Nuṣraḥ Li Sībawayh ‘Alā Jamā’aḥ al-Naḥwiyyīn.
10. Ibn al-Duḥḥān al-Naḥwiyy (Sa’īd Bin al-Mubārak Bin ‘Alīy 1308M). Syarah Abniyaḥ Sībawayh

Jumlah pengulas dan pengkritik al-kitāb (الْكِتَابُ) yang ramai sudah menggambarkan kedudukan dan ketinggian kitab ini. Justeru, pemilihan kitab ini sebagai sampel kajian dalam bidang sistem i’rāb ini adalah amat wajar.

### **1.7 Definisi Operasional**

Definisi operasional memaparkan perkataan-perkataan yang sering digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini bermula dengan bab pertama hingga bab yang terakhir bertujuan untuk memberi kefahaman yang

maksimum terhadap kajian ini. Paparan tersebut dapat dilihat seperti berikut:

### 1.7.1 I'rāb (الإعراب).

Dalam Kamus Dewan (2000:353) perkataan i'rāb (الإعراب) dikenali sebagai “fleksī”. Ia bermaksud “*perubahan bentuk kata mengikut perbezaan waktu, jantina, jumlah dan sebagainya*”. Sementara Kamus Linguistik (1997:73), mendefinisikan fleksī sebagai “*proses atau hasil menambahkan imbuhan kepada kata dasar atau kata akar sesuatu kata untuk menunjukkan hubungan tatabahasa, fungsi dan aspek tertentu*”. Menurut Ibn al-'Ufūr al-Isybīlīy (1998:31) i'rāb melibatkan perubahan fleksī di akhir perkataan yang berlainan pengubah fleksī (العامل). Ia menguasai (mengubah) sesuatu perkataan samada secara nyata (لفظاً) atau tanggapan (تقديرًا). Oleh yang demikian, i'rāb merujuk “*penjelasan pelbagai maksud nahuan di dalam ayat menerusi perubahan-perubahan di akhir perkataan yang disebabkan oleh pengubah fleksī tertentu*”

### 1.7.2 Sistem

Menurut Kamus Dewan (2000:1292), perkataan sistem bermaksud kumpulan pendapat (prinsip teori dan lain-lain) yang teratur dan tersusun

(biasanya dijadikan pegangan) atau kaedah teratur untuk melakukan sesuatu.

### 1.7.2 Sistem I'rāb (الإِعْرَاب).

Mengambil kira definisi perkataan i'rāb (الإِعْرَابُ) dan perkataan sistem oleh dewan bahasa (2000:353, 2000:1292) dan Ibn al-'Uṣfūr al-Isybīlīy (1998:31), sistem i'rab bahasa Arab dapat diertikan sebagai “*kumpulan pendapat atau kaedah yang teratur bagi mendapat penjelasan makna nahuan menerusi perubahan-perubahan di akhir perkataan yang disebabkan oleh pengubah fleksi dalam bahasa Arab*”.

### 1.7.3 Perbandingan

Menurut Kamus Dewan (2000:100), perkataan perbandingan berasal daripada perkataan “*banding*” yang sama dengan membandingkan atau memperbandingkan. Ia bermaksud “*melihat, menunjukkan (dan sebagainya) persamaan dan perbezaan antara dua benda*”. Dalam kajian ini pengkaji membandingkan, memperlihatkan dan menunjukkan persamaan dan perbezaan sistem (الإِعْرَابِ) antara pendekatan Sībawayh dengan al-Sayūṭīy.



#### 1.7.4 Analisis

Kamus Dewan (2000:41) menyatakan analisis bermaksud “*penyelidikan atau penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan, dan lain-lain) untuk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya dan lain-lain) secara terperinci dan mendalam*”.

#### 1.7.5 Pendekatan Sībawayh

Pendekatan Sībawayh dalam kajian ini bermaksud seluruh pandangan beliau terhadap sistem i'rāb (الإعراب) bagi topik-topik terpilih berdasarkan kitab karangan beliau yang utama iaitu Al-kitāb (الكتاب).

#### 1.7.6 Pendekatan al-Sayūṭiy

Pendekatan al-Sayūṭiy dalam kajian ini bermaksud seluruh pandangan beliau terhadap sistem i'rāb (الإعراب) bagi topik-topik terpilih berdasarkan kitab karangan beliau yang utama iaitu Kitab “Ham'u al-Hawāmi'i Fī Syarḥi Jam'i al-Jawāmi'i (هَمْعُ الْهَوَامِيِّ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِيِّ)”

## 1.8 Tinjauan Terhadap Penulisan Lampau

Terdapat beberapa penulisan dan kajian lampau yang diteroka oleh pakar dan pengkaji bahasa Arab lalu. Pengkaji membincangkan bahagian ini bermula daripada yang umum kepada khusus.

Buku-buku umum yang membincangkan tentang sistem i'rāb (الإعراب) ditulis oleh cendekiawan-cendekiawan Islam seperti buku *I'rāb Al-Qur'ān Al-karīm Wa Bayānuhu* yang telah ditulis oleh Muḥyiddīn al-Darwish (1994). Beliau telah berjaya menghuraikan tanda fleksi berdasarkan sistem i'rāb bahasa Arab bagi kesemua ayat-ayat al-Qur'ān serta membuat penjelasan dari segi bahasa terhadap makna ayat al-Qur'ān tertentu. Buku ini diterbitkan oleh Dār al-Irsyād Li Syu'ūn al-Jāmi'aṭ: Ḥimṣ Sūriyah.

Begitu juga dengan buku yang dikarang oleh Maḥmūd Ṣāfiy 1998, bertajuk *al Jadwal Fī I'rāb Al-Qur'ān Wa Ṣarfih Wa Bayānih Ma'a Fawā'id Naḥwiyah Hāmmaṭ*. Ia turut mengi'rabkan ayat-ayat al-qur'an bermula dari surah al-fātiḥaṭ hingga surah al-Nās. Di samping itu, beliau turut memberi penjelasan dari aspek ṣaraf dan nahu. Buku ini diterbitkan di Dār al-Rasyīd : Dimasyq-Bayrūt.

Selain itu, buku-buku khusus tentang tatabahasa Arab pula antaranya hasil karya Sībawayh iaitu al-Kitāb dan buku-buku huraian

kepada al-Kitāb. Buku karangan Sībawayh ini telah terkenal dengan judul “al-Kitāb” sekalipun beliau sendiri tidak menamakannya dengan sedemikian. Al-Kitāb merupakan kitab yang terawal ditulis dalam bidang tatabahasa Arab. Ia telah dipersembahkan dalam bentuk yang paling sistematik, diiktiraf sebagai yang paling lengkap dan mempunyai penjelasan yang sangat jelas serta penuh dengan asas-asas yang kukuh untuk dikembangkan dalam bidang tatabahasa Arab moden (Simsā‘ah 93:10).

Manakala buku “Ham‘u al-Hawāmi‘i Fī Syarḥi Jam‘i al-Jawāmi‘i (هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِعِ)” karya al-Sayūṭīy merupakan antara karyanya yang termasyhur dalam bidang tatabahasa Arab. Buku ini mengandungi perbincangan yang mendalam tentang asas-asas tatabahasa Arab. Ia sarat dengan pendapat pakar-pakar tatabahasa Arab terdahulu seperti al-Farra, al-Kisā‘i, Ibn Ya‘yis, Ibn ‘Uṣfūr, dan sebagainya. Kebanyakan perbincangan yang terdapat di dalam buku ini adalah lanjutan dari perbincangan yang terdapat dalam buku al-Asybāh Wa al-Nazā‘ir berserta huraian yang lebih mendalam dan sistematik. Ia mengandungi empat juzuk dan diterbitkan oleh Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyaṭ: Bayrūt Lubnān pada tahun 1998. Selain buku ini, al-Sayūṭīy juga masyhur dengan buku al-Asybāh Wa al-Nazā‘ir. Seperti buku Ham‘u al-Hawāmi‘i Fī Syarḥi Jam‘i al-Jawāmi‘i, buku al-Asybāh Wa al-Nazā‘ir juga sarat dengan pendapat pakar-pakar

tatabahasa Arab terdahulu. Kebanyakan perbahasan yang terdapat di dalam buku ini adalah lanjutan dari perbahasan yang terdapat dalam buku Ham'ū al-Hawāmi'i Fī Syarḥi Jam'i al-Jawāmi'i. Buku yang terdiri daripada empat juzuk ini telah ditahqiqkan oleh Ṭaha 'Abdul al-Ra'ūf Sa'dun dan telah diterbitkan oleh Maktabaṭ al-Kulliyyaṭ al-Miṣriyyaṭ pada tahun 1975.

Sementara itu, terdapat juga hasilan tesis yang menyentuh tentang sistem i'rāb (الإعراب). Tesis berkenaan bertajuk Analisis Sistem i'rab dalam Bahasa Arab oleh Muhammad Idris disertasi (M.M.L.S.) - Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 1996. Selain itu, terdapat dua buah tesis peringkat Doktor Falsafah (Phd.) dari Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia yang menjadi rujukan pengkaji dalam menyempurnakan kajian ini iaitu bertajuk “Teori Susunan (نَظَرِيَّةُ التَّنْظِيمِ) ‘Abd. Al-Qāhīr Jurjānīy Dalam I'jāz Al-Qur'ān dan Teori Gambaran Keindahan dalam Al-Qur'an (نَظَرِيَّةُ التَّصْوِيرِ الفَنِّي فِي الْقُرْآنِ) Menurut Sayyid Quṭub: Satu Kajian Perbandingan” oleh Abu Bakar Rafique Ahmad Phd. UKM 2000. Kajian ini merupakan perbandingan teori Susunan (نَظَرِيَّةُ التَّنْظِيمِ) yang dikemukakan oleh tokoh ahli bahasa Arab 'Abd. Al-Qāhīr Jurjānīy dengan Teori Gambaran Keindahan dalam Al-Qur'ān (نَظَرِيَّةُ التَّصْوِيرِ الفَنِّي فِي الْقُرْآنِ) oleh sasterawan Sayyid Quṭub. ia berkaitan dengan kemujizatan al-

Qur'an pada lafaz, kosa kata, isi dan kandungan, gaya bahasa dan ungkapannya dan sebagainya. Manakala tesis yang kedua oleh Sofiah Shamsuddin bertajuk: “ Kajian Perbandingan Imam Al-Zarkasyi dan Imam al-Sayūṭīy”. Kajian perbandingan telah dijalankan dalam Kitab ( الْبُرْهَانُ فِي عُلُومِ )  
( الْقُرْآنِ ) dan kitab ( الْإِتِّقَانُ فِي عُلُومِ الْقُرْآنِ ). Kajian ini menggunakan metodologi kajian perpustakaan, diikuti dengan pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan tajuk serta menganalisanya kemudian membuat perbandingan.

Selain daripada sumber-sumber yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa artikel yang merupakan bahagian daripada buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 1994. Buku seperti “Persuratan Islam” merupakan kumpulan artikel yang di tulis oleh pakar-pakar bahasa Arab dari universiti tempatan. Artikel-artikel ini memberi input tentang fungsi al-Qur’ān sebagai sumber utama ilmu nahu, sejarah tentang aliran nahu tatabahasa Arab, perkembangan teori pengajaran tatabahasa Arab, pengaruh bahasa Arab dalam memperteguh dan memperkaya bahasa Melayu, sastera Arab dan sebagainya.

Selain itu, jurnal-jurnal dalam bahasa Arab turut menjadi rujukan penulis terutamanya yang berkaitan isu titik fleksi dalam bahasa Arab seperti jurnal yang telah ditulis oleh Salāmaṭ Musā dalam “Majalah al-Hilāl

1926”, ‘Abdul Ḥalīm al-Najjār dalam “Majalah Adab A’in Syams 1963” dan. Ramaḍān Abd. Tawwāb dalam Majalah al-Majallāt 1966.

### 1.9 Sumbangan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada pihak-pihak tertentu yang terlibat secara langsung dengan pengajaran, pembelajaran serta pengembangan bahasa Arab di Malaysia. Dapatan kajian diharap dapat menjadi rujukan kepada pihak penggubal kurikulum latihan perguruan sama ada di maktab-maktab perguruan atau di universiti-universiti yang menawarkan program penyelidikan bahasa Arab dan latihan perguruan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Selain itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan individu, pendidik, pengkaji bahasa Arab dan guru pelatih dalam mendalami ilmu bahasa Arab khususnya penguasaan terhadap pengaruh Pengubah fleksi (الْعَمَلُ), Perubah fleksi (أَلْمُعْمُولُ) dan Tanda fleksi (إِعْرَابٌ أَوْ عِلْمٌ أَوْ عِلْمٌ أَوْ عِلْمٌ) dalam bidang nahu bahasa Arab atau program pembangunan bahasa Arab di Malaysia.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada pengkaji khususnya dan pencinta bahasa Arab amnya dalam menambah pengetahuan dan maklumat mengenai bahasa Arab. Ini

memandangkan kajian seumpama ini adalah yang pertama di peringkat Ph.D. Kajian diharapkan dapat menjadi sebahagian daripada koleksi penyelidikan dalam bahasa Arab.

### **1.10 Rangka Kajian**

Penulisan rangka kajian ini melibatkan aturan bab-bab mengikut urutan keperluan sesuatu kajian di peringkat ijazah kedoktoran. Di dalam bab satu penulis membincangkan dasar-dasar penulisan dalam disertasi ini. Fokus perbincangan melibatkan latar belakang kajian, masalah kajian, objektif kajian, bidang kajian, metodologi kajian dan batasan kajian. Bab ini turut membincangkan definisi operasional bertujuan menjelaskan halatuju kajian ini. Selain itu, penulisan lampau yang berkaitan dengan kajian ini turut dibincangkan di samping sumbangan kajian ini terhadap perkembangan bahasa Arab khususnya di Malaysia. Bab dua pula membincangkan definisi dan sejarah sistem i'rāb serta beberapa perkara yang berkaitan dengannya seperti makna kesilapan, kaitan sistem i'rāb dengan nahu bahasa Arab serta teori-teori yang berkaitan dengan sistem i'rāb bahasa Arab manakala bab tiga membincangkan konsep al-'Awāmil dan bahagian-bahagiannya. Di dalam bab empat penulis membentangkan analisis kajian perbandingan teori sistem i'rāb antara Sībawayh dan al-Sayūṭīy sementara bab lima memuatkan analisis dan dapatan kajian ini. Seterusnya penulis membuat kesimpulan, ulasan dan cadangan dalam bab enam sebagai penutup bagi kajian ini.

### **1.11 Penutup**

Secara rumusnya, bab ini telah membincangkan tentang latarbelakang kajian berkaitan sistem i'rāb dalam bahasa Arab. Keperluan penguasaan terhadap sistem i'rāb amat dirasai bagi menjamin keutuhan dan kesucian bahasa Arab sesuai dengan peranannya sebagai tulang belakang kepada ilmu nahu. Penulis berharap agar kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pengkaji bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi khususnya di Malaysia.